

**TAHAP KEFAHAMAN MAHASISWA UNIVERSITI ISLAM MELAKA
TERHADAP KESALAHAN BERSEKEDIAMAN DI BAWAH SEKSYEN 53
ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH (NEGERI MELAKA) 1991: SATU KAJIAN
SOSIO-PERUNDANGAN**

Nadiah Mohd Zin*

Fakulti Undang-Undang, Governan & Hubungan Antarabangsa
Universiti Islam Melaka
nadiah_mohdzin@unimel.edu.my

Fabli bin Yusof

Fakulti Undang-Undang, Governan & Hubungan Antarabangsa
Universiti Islam Melaka
fabli@unimel.edu.my

Puteri Maisara Mohamad Ramli

Fakulti Undang-Undang, Governan & Hubungan Antarabangsa
Universiti Islam Melaka

**Corresponding author*

Received Date: 17 October 2025 **Accepted Date:** 28 November 2025 **Published Date:** 31 December 2025

ABSTRAK

Kajian sosio-perundangan ini menilai tahap kefahaman mahasiswa Universiti Islam Melaka (UNIMEL) terhadap kesalahan bersekediaman di bawah Seksyen 53 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 menggunakan reka bentuk kaedah campuran. Komponen kuantitatif melibatkan soal selidik ringkas kepada 133 responden dan dianalisis melalui peratusan mudah bagi menilai penguasaan definisi serta elemen kesalahan. Dapatan menunjukkan kefahaman berada pada tahap sederhana, dengan ramai responden tidak pasti apabila diminta menerangkan konsep bersekediaman dan wujud kekeliruan apabila bersekediaman disamakan dengan khalwat. Komponen kualitatif melalui temu bual Ketua Pendakwa Syarie Negeri Melaka mengukuhkan dapatan bahawa istilah “khalwat” lebih dominan dalam kefahaman, manakala skop bersekediaman kurang difahami. Analisis rekod pentadbiran HEPA secara agregat turut menunjukkan keperluan intervensi kampus yang lebih tersusun. Kajian mencadangkan pengukuhan literasi undang-undang melalui program kesedaran jenayah syariah, pendidikan undang-undang jenayah, serta sokongan kaunseling dan pemantauan awal pelajar berisiko.

Kata Kunci: *Bersekediaman, Seksyen 53, Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, kefahaman mahasiswa, sosio-perundangan*

THE LEVEL OF UNDERSTANDING OF ISLAMIC UNIVERSITY OF MALACCA STUDENTS ON THE OFFENCE OF RESIDENCE UNDER SECTION 53 OF THE SYARIAH OFFENCES ENACTMENT (STATE OF MALACCA) 1991: A SOCIO-LEGAL STUDY

ABSTRACT

This socio-legal study examines Universiti Islam Melaka (UNIMEL) students' level of understanding of the offence of cohabitation under Section 53 of the Syariah Offences Enactment (State of Melaka) 1991 using a mixed-method design. The quantitative component employed a brief questionnaire administered to 133 respondents and analysed using simple percentage analysis to assess respondents' grasp of the definition and elements of the offence. The findings indicate a moderate level of understanding, with many respondents reporting uncertainty when asked to explain "bersekediaman" and demonstrating conceptual confusion by equating it with "khalwat". The qualitative component, through an interview with the Chief Syariah Prosecutor of Melaka, corroborates that "khalwat" is more widely understood in public discourse, whereas the broader scope of "bersekediaman" remains less clearly comprehended. An aggregated review of HEPA administrative records further suggests the need for more structured campus-level interventions. The study recommends strengthening legal literacy through Syariah criminal law awareness programmes and formal criminal law education, supported by counselling and early monitoring of at-risk students.

Keywords: Cohabitation (bersekediaman); Section 53; Syariah Offences Enactment (State of Melaka) 1991; students' understanding; socio-legal study

PENDAHULUAN

Kesalahan bersekediaman merupakan salah satu kesalahan jenayah syariah yang sering dibincangkan dalam konteks pencegahan maksiat dan pemeliharaan maruah (*hifz al-'ird*) di Malaysia. Di Negeri Melaka, istilah "bersekediaman" digunakan secara khusus dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 melalui Seksyen 53, berbeza dengan kebanyakan negeri lain yang lebih lazim menggunakan istilah "khalwat". Dalam persekitaran institusi pengajian tinggi (IPT), kejelasan kefahaman mahasiswa tentang takrif, elemen dan skop kesalahan ini menjadi penting kerana salah faham istilah sering menjejaskan pencegahan awal dan tindakan pelaporan yang sepatutnya.

Kajian ini meneliti tahap kefahaman mahasiswa Universiti Islam Melaka (UNIMEL) berkaitan kesalahan bersekediaman, serta mengenal pasti faktor salah laku yang direkodkan dan cadangan intervensi untuk meningkatkan literasi undang-undang jenayah syariah di peringkat IPT. Data lapangan turut disokong melalui temu bual separa berstruktur bersama Ketua Pendakwa Syarie Negeri Melaka bagi mendapatkan penjelasan amali mengenai konsep dan pelaksanaan Seksyen 53.

SOROTAN LITERATUR

Secara bahasa, kefahaman merujuk kepada keupayaan seseorang mengetahui dan mengerti sesuatu perkara. Dalam konteks kajian ini, kefahaman ditumpukan kepada keupayaan mahasiswa mengetahui peruntukan kesalahan bersekediaman di bawah Seksyen 53 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 serta membezakan istilah berkaitan seperti berkurung dan bersunyi-sunyian.

Dalam wacana undang-undang dan sosial, istilah bersekediaman sering dibaca dalam kerangka pencegahan khalwat dan penutupan jalan kepada maksiat (*sadd al-dhara'i*). Asas normatifnya dapat dirujuk kepada larangan mendekati zina yang menuntut langkah pencegahan awal, bukan semata-mata penghukuman selepas berlakunya perbuatan.

Dari sudut amalan penguatkuasaan, kesalahan yang berkaitan dengan “bersekediaman, berkurung dan bersunyi-sunyian” lazimnya memerlukan penilaian konteks tempat, masa, keadaan yang mendatangkan syak, serta hubungan antara pihak-pihak yang terlibat. Perincian elemen ini penting agar masyarakat tidak menyempitkan makna kesalahan semata-mata kepada “berdua-duaan di rumah atau hotel”, sedangkan Seksyen 53 juga merangkumi situasi melibatkan kumpulan lelaki/perempuan di tempat sunyi, bilik dalam bangunan atau tempat terasing dalam keadaan yang mendatangkan syak bahawa maksiat akan berlaku.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan sosio-perundangan (*socio-legal*) dengan reka bentuk kaedah campuran (*mixed method*). Pertama, kajian kuantitatif dilaksanakan melalui soal selidik ringkas yang diedarkan kepada 133 orang mahasiswa UNIMEL. Instrumen mengandungi empat (4) item utama bagi menilai pengetahuan dan kefahaman responden terhadap kesalahan bersekediaman. Analisis dilakukan menggunakan peratusan mudah bagi mengenal pasti kecenderungan jawapan responden.

Kedua, kajian kualitatif dilaksanakan melalui temu bual separa berstruktur bersama Ketua Pendakwa Syarie Negeri Melaka untuk mendapatkan penjelasan konsep, elemen dan amalan pelaksanaan Seksyen 53 serta cadangan penambahbaikan di peringkat IPT.

Ketiga, kajian turut menggunakan analisis dokumen berdasarkan rekod salah laku yang dirujuk daripada pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UNIMEL bagi tahun 2023 hingga Jun 2025.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dan perbincangan berdasarkan objektif kajian ini membentangkan, dengan dapatan dihipunkan kepada tiga (3) tema utama iaitu (i) penjelasan peruntukan dan elemen kesalahan bersekediaman; (ii) tahap kefahaman mahasiswa berdasarkan soal selidik; dan (iii) pola kes, faktor serta cadangan intervensi bagi mengurangkan kes dan meningkatkan kefahaman.

Dapatan bagi **Objektif 1** berkaitan dengan Penjelasan Peruntukan dan Elemen Kesalahan Bersekediaman (Seksyen 53) yang menganalisis dokumen peruntukan menunjukkan bahawa kesalahan “bersekediaman” berada di bawah Seksyen 53 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, yang merangkumi keadaan lelaki dan perempuan bukan mahram berada dalam situasi yang mendatangkan syak ke arah perlakuan maksiat, dengan pengawalan turut meliputi keadaan “berkurung” dan “bersunyi-sunyan”.

Dalam konteks kefahaman undang-undang, tafsiran elemen memerlukan pemetaan yang lebih halus kerana istilah-istilah ini mempunyai pertindihan dari sudut tujuan pencegahan, namun berbeza dari segi fokus tempat, fokus masa, dan konteks keadaan atau perbuatan. Pemetaan ini turut diperkukuh oleh pemahaman istilah asas seperti “bangunan” (contoh rumah atau kedai) dan “terasing” (tempat terpencil), serta gambaran situasi “mendatangkan syak” yang sering menjadi indikator penilaian kes.

Jadual 1: *Ringkasan konsep dan fokus elemen “bersekediaman”, “berkurung” dan “bersunyi-sunyan” di bawah Seksyen 53 (Negeri Melaka) 1991*

Istilah	Fokus tempat	Fokus masa	Fokus perbuatan atau keadaan
Bersekediaman	Satu rumah atau bangunan atau tempat tinggal bersama	Tempoh yang menunjukkan tinggal/duduk bersama	Lelaki dan perempuan tanpa ikatan sah berada atau tinggal bersama; termasuk keadaan mendatangkan syak akan maksiat.
Berkurung	Ruang tertutup seperti bilik atau tempat berkunci atau tertutup	Bersifat sementara tetapi dalam situasi tertutup	Bersama dalam ruang tertutup yang menghalang pengawasan awam dan menimbulkan syak.
Bersunyi-sunyan	Tempat sunyi atau terasing (terpencil)	Berlaku pada bila-bila masa bergantung keadaan	Berada dalam keadaan menyendiri/terasing yang menimbulkan syak akan maksiat; termasuk situasi kumpulan di tempat sunyi.

Walaupun istilah-istilah tersebut mempunyai pertindihan dari sudut objektif pencegahan, penilaian amalan memerlukan pemetaan elemen yang lebih halus. Sebagai contoh, Seksyen 53(4) memperuntukkan kesalahan apabila seseorang perempuan didapati bersama-sama dengan lebih daripada seorang lelaki bukan suaminya atau bukan muhrimnya di tempat sunyi atau di dalam sebuah bilik pada mana-mana bangunan atau di tempat yang terasing, dalam keadaan yang mendatangkan syak bahawa mereka akan melakukan maksiat; dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak

melebihi RM3,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 24 bulan atau kedua-duanya.

Dapatan kuantitatif dalam **Objektif 2** berkaitan dengan tahap kefahaman mahasiswa berkaitan kesalahan bersekediaman diperoleh melalui soal selidik melibatkan **n=133** responden mahasiswa UNIMEL. Secara keseluruhan, tahap kefahaman responden berada pada tahap sederhana, dengan wujud jurang literasi undang-undang yang bersifat praktikal (iaitu kebolehan menerangkan elemen kesalahan apabila ditanya).

Jadual 2: *Ringkasan dapatan soal selidik (n=133) mengenai kefahaman kesalahan bersekediaman*

Item	Ringkasan soalan	Dapatan utama
1	Boleh jelaskan kesalahan bersekediaman apabila ditanya?	Kekerapan tertinggi pada tahap 3 (tidak pasti) = 41.4%
2	Khalwat dan bersekediaman perkara yang sama?	Ya = 60.9%; Tidak = 39.1%
3	Perempuan bersama sekumpulan lelaki di tempat sunyi yang mendatangkan syak?	Ya = 79.7%; Tidak = 20.3%
4	Lelaki bersama sekumpulan perempuan di tempat sunyi yang mendatangkan syak?	Ya = 54.1%; Tidak = 45.9%

Dapatan item (1) menunjukkan kecenderungan responden berada pada tahap “tidak pasti”, menandakan definisi dan elemen “bersekediaman” belum dikuasai secara mantap. Item (2) pula memperlihatkan kekeliruan konsep apabila majoriti menyatakan “khalwat dan bersekediaman” adalah sama. Pola ini menggambarkan bahawa istilah “khalwat” lebih dominan dalam kefahaman awam/mahasiswa, manakala “bersekediaman” yang memerlukan pemahaman elemen (tinggal atau duduk bersama) kurang diberi penekanan dalam literasi undang-undang.

Walau bagaimanapun, item (3) dan (4) menunjukkan responden lebih mudah mengecam situasi “tempat sunyi yang mendatangkan syak”, namun wujud ketidakseragaman tafsiran apabila konfigurasi jantina/kumpulan berubah (misalnya hampir separuh responden tidak menganggap situasi item 4 sebagai kesalahan). Ini menunjukkan bahawa penilaian “syak” tidak berlaku secara seragam, sedangkan elemen “mendatangkan syak” memerlukan pemahaman yang berasaskan prinsip dan indikator yang lebih konsisten.

Dapatan ini disokong oleh temu bual pihak pendakwaan. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Melaka, Tuan Atras bin Mohamad Zin menegaskan bahawa masyarakat (termasuk mahasiswa) lazimnya lebih memahami istilah “khalwat” sebagai “berdua-duaan dalam rumah atau hotel”, tetapi kurang memahami takrif dan elemen “bersekediaman” yang lebih luas. Beliau juga menjelaskan bahawa “bersekediaman” merujuk kepada keadaan lelaki dan perempuan tinggal atau duduk sekali dalam satu rumah tanpa ikatan yang sah di sisi syarak.

Berdasarkan rekod HEPA UNIMEL dalam temubual bersama Puan Zaidah binti Abdul Latip yang merupakan Pegawai HEPA, dalam **Objektif 3** berkaitan dengan pola kes, faktor penyumbang dan cadangan intervensi berkaitan dengan kes salah laku berkaitan khalwat atau bersekediaman direkodkan sekurang-kurangnya sebanyak lapan (8) kes sepanjang tahun 2023 (termasuk Januari, April dan Jun 2023), dua (2) kes pada Januari 2024 dan tiada laporan setakat hingga Jun 2025. Walaupun data ini bersifat pentadbiran, ia memberi petunjuk bahawa isu memerlukan intervensi pencegahan yang lebih tersusun di peringkat kampus.

Jadual 3: Ringkasan rekod kes (HEPA, UNIMEL) 2023–2025

Tempoh (agregat)	Bil. kes (rekod)	Ringkasan kategori isu (tanpa butiran sensitif/lokasi)
2023 (setahun)	8	Kes berkaitan pelanggaran tatatertib pergaulan dan/atau isu penempatan atau kediaman yang menimbulkan syak menurut kerangka disiplin universiti.
2024 (awal tahun)	≤ 2	Kes berkaitan tatatertib pergaulan; dilaporkan sebagai kes dalam proses tindakan/perbicaraan dalaman.
2025 (hingga Jun 2025)	0	Tiada kes dilaporkan setakat Jun 2025.

Nota: Jadual ini berdasarkan rekod pentadbiran dalaman HEPA UniMEL yang telah dinyahidentiti sepenuhnya. Data dipersembahkan secara agregat dan bilangan kes yang kecil dipaparkan secara “ $\leq$ ” bagi mengelakkan sebarang pengenalanpastian individu. Maklumat ini tidak menggambarkan dapatan penghakiman atau sabitan mana-mana pihak, sebaliknya bertujuan menunjukkan pola umum untuk perbincangan akademik.

Pola ini mencadangkan keperluan mekanisme kampus yang bukan sahaja berorientasi tindakan disiplin, tetapi juga intervensi awal (pencegahan), pemulihan (kaunseling), dan pendidikan berstruktur. Pendekatan ini relevan kerana isu yang direkodkan melibatkan dimensi tingkah laku, emosi dan sosial yang sering berkait dengan latar keluarga dan sokongan psikososial.

Analisis dapatan menunjukkan beberapa faktor dominan yang dikaitkan dengan salah laku, termasuk kurangnya kasih sayang dan sokongan keluarga, ibu bapa yang terpisah, serta situasi “*broken home family*” yang boleh membawa kepada kesulitan emosi dan risiko sosial yang lebih tinggi.

Jadual 4: Rumusan faktor penyumbang (berdasarkan dapatan kajian)

Faktor dominan	Huraian implikasi
Kurang kasih sayang atau sokongan keluarga	Mewujudkan kerentanan emosi dan kecenderungan kepada keputusan sosial berisiko.

Ibu bapa berpisah atau konflik keluarga	Mengurangkan pemantauan dan meningkatkan tekanan psikologi.
"Broken home family"	Berkait dengan kesulitan emosi dan risiko sosial yang lebih tinggi.

Dapatan faktor ini memperkukuh hujah bahawa pencegahan tidak boleh bergantung pada penguatkuasaan semata-mata. Sebaliknya, ia perlu disokong oleh intervensi psikososial (kaunseling, pemantauan awal) dan pendidikan undang-undang yang berterusan. Ini selari dengan dapatan kefahaman mahasiswa yang menunjukkan kekeliruan elemen dan istilah, khususnya apabila "bersekediaman" disamakan dengan "khalwat".

CADANGAN

Bagi mengurangkan peningkatan kes, pengkaji mencadangkan tiga (3) tindakan utama di peringkat universiti, iaitu (i) pelaksanaan sesi kaunseling yang lebih terancang, (ii) pemantauan awal terhadap pelajar yang dikenal pasti berisiko khususnya yang berdepan isu kekeluargaan, dan (iii) penambahbaikan peraturan serta langkah pencegahan sedia ada. Dari aspek peningkatan kefahaman, dapatan soal selidik menunjukkan dua inisiatif yang paling disokong oleh responden ialah Program Kesedaran Jenayah Syariah (kekerapan tertinggi, 51.1%) dan pendidikan undang-undang jenayah di peringkat sekolah serta IPT (kekerapan kedua tertinggi, 32.3%).

Selari dengan dapatan tersebut, Ketua Pendakwa Syarie Negeri Melaka, Tuan Atras bin Mohamad Zin, menekankan keperluan pengukuhan komponen pendidikan undang-undang di kampus melalui penglibatan pihak praktis. Antara cadangan beliau ialah pihak universiti menjemput pengamal undang-undang untuk menghuraikan peruntukan Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 dan membuat perbandingan dengan negeri-negeri lain, supaya mahasiswa memahami perbezaan istilah, elemen kesalahan dan implikasi hukuman. Beliau turut mencadangkan penawaran kursus tambahan berkaitan jenayah syariah di peringkat fakulti serta peluasan aktiviti luar berorientasikan kesedaran undang-undang, khususnya berkaitan jenayah syariah.

Secara sintesis, dapatan ini menunjukkan keperluan intervensi yang saling melengkapi: langkah pengurangan kes perlu menumpukan mekanisme sokongan (kaunseling dan pemantauan awal) bagi menangani faktor risiko, manakala usaha peningkatan kefahaman perlu memperkukuh literasi undang-undang melalui program kesedaran yang berstruktur dan berulang. Melalui gabungan kedua-dua pendekatan ini, kefahaman konsep (elemen kesalahan) dapat dipautkan secara lebih jelas kepada aplikasi situasi sebenar, termasuk penilaian "mendatangkan syak" mengikut konteks tempat dan keadaan.

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti kesalahan bersekediaman di bawah Seksyen 53 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 dengan menumpukan kepada penjelasan elemen peruntukan,

tahap kefahaman mahasiswa UNIMEL, serta faktor penyumbang dan bentuk intervensi yang sesuai di peringkat universiti. Dapatan memperlihatkan bahawa walaupun peruntukan bertujuan mencegah keadaan yang “mendatangkan syak” ke arah maksiat, istilah seperti bersekediaman, berkurung dan bersunyi-sunyian memerlukan pemetaan elemen yang lebih jelas dari segi konteks tempat, masa dan keadaan bagi mengelakkan kekeliruan dalam aplikasi dan kefahaman.

Berdasarkan soal selidik ($n=133$), tahap kefahaman mahasiswa berada pada tahap sederhana, dengan ramai responden berada pada tahap “tidak pasti” apabila diminta menerangkan konsep bersekediaman, serta wujud kekeliruan apabila istilah bersekediaman disamakan dengan khalwat. Dapatan temu bual turut menyokong corak ini apabila pihak pendakwaan menegaskan bahawa masyarakat lebih mudah memahami “khalwat”, tetapi kurang jelas tentang skop bersekediaman yang lebih luas. Di samping itu, rekod pentadbiran HEPA UNIMEL menunjukkan kes berkaitan salah laku yang berhubung kait dengan isu khalwat atau bersekediaman masih berlaku, sekali gus menandakan keperluan intervensi pencegahan yang lebih tersusun.

Secara keseluruhan, kajian menyimpulkan bahawa pengurangan kes dan peningkatan kefahaman memerlukan pendekatan menyeluruh yang menggabungkan mekanisme sokongan dan literasi undang-undang. Bagi mengurangkan peningkatan kes, intervensi wajar memfokuskan kepada kaunseling, pemantauan awal pelajar berisiko dan penambahbaikan langkah sedia ada di peringkat universiti. Bagi meningkatkan kefahaman pula, pelaksanaan Program Kesedaran Jenayah Syariah dan pengukuhan pendidikan undang-undang jenayah di peringkat sekolah serta IPT termasuk penglibatan pengamal undang-undang dan penawaran kursus tambahan di peringkat fakulti berpotensi menjadi strategi utama untuk menghubungkan kefahaman elemen kesalahan dengan aplikasi situasi sebenar. Dengan itu, kajian ini menegaskan kepentingan intervensi serentak yang bukan sahaja berorientasikan penguatkuasaan, tetapi juga pendidikan dan pemulihan, bagi memastikan objektif pencegahan dan pembentukan kesedaran undang-undang dapat dicapai secara lebih berkesan dalam konteks kampus.

RUJUKAN

- Abd. Latip, Z. (2024). *Maklumat data salah laku pelajar berkaitan kesalahan bersekediaman/khalwat (rekod pentadbiran dalaman)* [Data pentadbiran tidak diterbitkan]. Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Islam Melaka, Melaka, Malaysia.
- Abd. Latip, Z. (2025). *Tambahan Maklumat data salah laku pelajar berkaitan kesalahan bersekediaman/khalwat (rekod pentadbiran dalaman)* [Data pentadbiran tidak diterbitkan]. Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Islam Melaka, Melaka, Malaysia.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2018). *Designing and conducting mixed methods research* (3rd ed.). SAGE Publications.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM): Kamus Dewan Edisi Keempat (dalam talian)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991* (Enakmen 6 Tahun 1991) (Malaysia), s. 53.
- Mohamad Zin, A. (2024, 13 Februari). *Temu bual separa berstruktur bersama Ketua Pendakwa Syarie Negeri Melaka* [Temu bual tidak diterbitkan]. Bahagian Pendakwaan Syariah Negeri Melaka, Melaka.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). SAGE Publications.
- Puteri Maisara Mohamad Ramli & Nadiah Mohd Zin. (2024). *Soal selidik tahap kefahaman kesalahan bersekediaman dalam kalangan mahasiswa UNIMEL* [Instrumen soal selidik tidak diterbitkan]. Universiti Islam Melaka, Melaka, Malaysia.
- Zakaria, Z. I., & Nasohah, Z. (2020). Tafsiran peruntukan kesalahan bersekediaman dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991. *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies*, 42(1), 23–30. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-4201-03>.